Pendakwa Raya lwn Karpal Singh a/l Ram Singh

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–10 TAHUN 2009
AZMAN ABDULLAH H
10 JUN 2010

Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Kes prima facie — Hasutan — Isu lantikan Menteri Besar — Sidang akhbar oleh tertuduh — Tahap penilaian maksima — Sama ada dibuktikan pihak pendakwaan — Sama ada membolehkan mahkamah memanggil pihak tertuduh membela diri — Kanun Prosedur Jenayah s 180

Undang-Undang Jenayah — Hasutan — Isu melantik Menteri Besar — Sidang akhbar oleh tertuduh — Sama ada berkecenderungan menghasut — Sama ada mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap Sultan atau kerajaan — Sama ada menunjukkan kekeliruan dan kesilapan Sultan dalam isu peruntukan undang-undang — Sama ada mahkamah perlu meneliti dan menilai sesuatu ucapan pada setiap baris dan perenggan — Akta Hasutan 1948 s 3

Tertuduh telah dituduh menyebut kata-kata menghasut dalam satu sidang akhbar iaitu satu kesalahan di bawah s 5 Akta Hasutan 1948 dibaca bersama s 376(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ') dan perakuan di bawah s 418(1) KPJ. Tertuduh telah memanggil satu sidang media di pejabat guamannya yang dihadiri oleh beberapa orang wartawan dan jurukamera dari beberapa wakil media masa dan elektronik. Dalam sidang media tersebut ianya dapat dibahagikan kepada dua 'segment', pertama ialah tertuduh membaca teks kenyataan akhbar secara bertulis yang diedarkan oleh tertuduh kepada para wartawan yang hadir, manakala bahagian kedua adalah soal jawab antara tertuduh dan wartawan dan kesemua ini dirakam oleh jurukamera bebas SP3 yang dirakam di dalam tape mini DV ('P6'). Pada hari kejadian itu, sidang media tertuduh selesai sebelum sembahyang Jumaat. Sementara itu pada hari yang sama di Kuala Kangsar mengikut keterangan saksi-saksi pendakwaan mengesahkan berlaku satu perhimpunan dan demonstrasi dan rusuhan selepas sembahyang Jumaat di kawasan luar Masjid Ubudiah, di Kuala Kangsar, Perak. Perhimpunan tanpa permit tersebut diadakan oleh sebilangan jemaah yang bersolat Jumaat di Masjid Ubudiah yang cuba menghalang upacara angkat sumpah Menteri Besar baru di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak pada petang tersebut. Manakala sidang akhbar oleh tertuduh disiarkan di stesyen RTM melalui Berita Wilayah, pada jam 6 petang dan 9 malam melalui rangkaian TV1. Manakala stesyen penyiaran TV3 menyiarkan berita sidang akhbar tertuduh melalui Buletin Utama Jam 8 malam. Begitu juga akhbar

Utusan Malaysia hanya memaparkan berita sidang akhbar tertuduh pada keesokannya. Pihak pendakwaan telah memanggil tiga orang saksi iaitu SP10, SP11 dan SP17 yang membuat aduan polis setelah menonton sidang akhbar tertuduh melalui Buletin Utama TV3 Jam 8 malam pada malam hari kejadian. Laporan polis P21 dan P22 yang dibuat oleh SP11 dan SP17 adalah berkisar kepada rasa tidak berpuashati ke atas tertuduh atas kenyataan akbarnya bukannya pengadu marah kepada DYMM Sultan Perak. Mengikut SP19, pegawai penyiasat kes ini, kesemua 103 laporan polis dibuat setelah menonton berita dan membaca laporan akhbar tentang sidang media tertuduh.

Diputuskan, membebas dan melepaskan tertuduh:

(1) Pihak pendakwaan menyatakan akan membuktikan sidang akhbar disiarkan melalui Berita Jam 8. Pada masa itu hanya TV3 sahaja menyiarkan Berita Jam 8, manakala RTM menyiarkan Berita Utama jam 9. Di sini pihak pendakwaan gagal membuktikannya malah memilih untuk tidak mengemukakan klip berita dari TV3. Pihak pendakwaan juga tidak langsung membekalkan klip-klip berita sama ada daripada TV3 atau RTM kepada tertuduh sebelum perbicaraan mengikut keperluan s 51A KPJ. Begitu juga dengan perenggan 6.5 ucapan pembukaan pendakwaan, mengaitkan demonstrasi selepas sembahyang Jumaat di Masjid Ubudiah dengan sidang akhbar tertuduh. Malangnya sidang akhbar tersebut gagal dibuktikan disebar atau diketahui kerana hanya pertama kali disiarkan melalui Berita RTM jam 6 petang. Pihak pendakwaan gagal membuktikan 'nexus' antara sidang media tertuduh yang didakwa telah menghasut orang-orang yang berdemonstrasi itu (lihat perenggan 22–23).

(2) Klip Berita Jam 8 di TV3 selain daripada memaparkan klip sidang media yang disiarkan selama satu hingga dua minit terdapat juga ulasan pemberita mengikut keterangan SP9 wartawan TV3. Oleh itu sumber utama menghubungkan pengadu di dalam laporan polis kepada hasutan tertuduh dengan klip Berita TV3 adalah terputus dan gagal disandarkan di dalam kes pendakwaan (lihat perenggan 24).

(3) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan intipati yang diperlukan oleh s 3(1) Akta tersebut iaitu kaitannya atau akibat dari kenyataan tersebut membawa kepada kecenderungan kebencian atau penghinaan atau bangkit perasaan benci, menghina, perasaan tidak setia terhadap Raja. Berasaskan kepada penghakiman dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saikb & Ors* [1971] 2 MLJ 108 adalah jelas bahawa mahkamah perlu meneliti dan menilai sesuatu ucapan pada setiap baris dan perenggan sama ada ianya diniatkan sebagai satu ucapan yang dibenarkan atau sebagai satu hasutan seperti yang ditakrifkan di bawah s 3(1) Akta (lihat perenggan 31 & 40).

(4) Mahkamah berpendapat bahawa sidang media tertuduh tidak terjumlah kepada suatu kecenderungan menghasut yang mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau kerajaan. Walaupun terdapat 103 laporan polis namun kesemuanya menjurus kepada kemarahan dan kebencian pengadu terhadap tertuduh dan bukannya terhadap Tuanku DYMM Sultan Perak. Mahkamah juga berkeputusan bahawa ianya adalah juga terjatuh di bawah kecualian s 3(2) Akta, iaitu kecenderungan bagi menunjukkan Sultan dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambilnya (lihat perenggan 54 & 62).

[English summary

The accused had been charged for uttering seditious words in a news conference ie an offence under s 5 of the Sedition Act 1948 read with s 376 of the Criminal Procedure ('CPC') and certificate under s 418 of the CPC. The accused had called for a media conference at his legal firm which was attended by a few journalists and cameramen from various media and electronic media representatives. The media conference could be divided into two segments, the first being the accused reading the text of news statement in the written format which was distributed by the accused to the journalists whom were present, whereas the second part was a question and answer between the accused and the journalists and all these were recorded by a freelance cameraman, SP3 in tape mini DV ('P6'). On the day of the incident, the media conference by the accused ended before the Friday prayers. Meanwhile, on the same day in Kuala Kangsar, according to the evidence, the prosecution witnesses had confirmed that there was a gathering and demonstration and riot after the Friday prayers outside of the Masjid Ubudiah, at Kuala Kangsar, Perak. The gathering without permit was conducted by a few public who performed the Friday prayers at Masjid Ubudiah who were trying to protest against the swearing in ceremony of the new Menteri Besar before the Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak on that evening. Whereas the news conference by the accused had been broadcasted on the RTM station via Berita Wilayah, at 6pm and 9pm through the channel TV1. Meanwhile the broadcasting station TV3 broadcasted the news on the news conference of the accused via Buletin Utama at 8pm. So was the Utusan Malaysia newspaper published the news pertaining to the news conference on the next day. The prosecution called three witnesses ie SP10, SP11 and SP17 who had made police reports after watching about the news conference on Buletin Utama TV3 at 8pm on the day of incident. Police report P21 and P22 which was made by SP11 and SP17 revolved around the unsatisfactory feeling on the accused on his news conference and the complainant was not angry at the DYMM Sultan of Perak. According to SP19, the investigating officer in this case, all 103 police reports were made after watching the news and reading the newspaper reports on the news conference by the accused.

Held, discharging and acquitting the accused:

(1) The prosecution stated that it will prove the news conference was

broadcasted via news at 8pm. At that time only TV3 had broadcasted the news at 8pm whereas RTM had broadcasted the main news at 9pm. Here the prosecution had failed to prove it and in fact chose not to produce the news clip from TV3. The prosecution also did not produce the news clips whether from TV3 or RTM to the accused before the trial according to the requirement of s 51A of the CPC. So as to para 6.5 of the prosecution's opening speech, related the demonstration after the Friday prayers at Masjid Ubudiah with the news conference by the accused. Unfortunately the news conference had failed to be proved to be circulated or made known as it was only broadcasted for the first time via RTM news at 6pm. The prosecution had failed to prove the nexus with the news conference of the accused which was alleged to have seduced the people to demonstrate (see paras 22–23).

(2) The news clip at 8pm on TV3 other than broadcasting the media conference which was aired for one to two minutes had also contained the remarks by the newscaster according to the testimony of SP9, the TV3 journalist. Therefore the main source connecting the complainant in the police report to the sedition by the accused with the news clip by TV3 had been broken and failed to be relied on in the prosecution's case (see para 24).

(3) The prosecution had failed to prove the essence required by s 3(1) of the Act ie the connection or the result of the statement to bring into hatred or contempt or to excite disaffection against any Ruler. Based on the judgment in *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108 it was clear that the court must assess and evaluate a speech at every line and paragraph whether it was intended as a speech which was allowed or as a sedition as defined under s 3(1) of the Act (see paras 31 & 40).

(4) The court was of the view that the media conference of the accused did not amount to a tendency to commit sedition to bring into hatred or contempt or to excite disaffection against any Ruler or against any government. Although there were 103 police reports, however all of them directed to the anger and hatred of the complainant to the accused and not to the DYMM Sultan of Perak. The court decided that it also fell under the exception of s 3(2) of the Act, ie the tendency to show that the sultan be confused or mistaken in any steps taken (see paras 54 & 62).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai hasutan secara am, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3237.

Untuk kes-kes mengenai kes prima facie, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 3109–3135.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
Dato' Dr Zambry bin Abdul Kadir v Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Attorney General of Malaysia, intervener) [2009] 5 MLJ 464, MR (dirujuk)
Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, intervener) [2010] 2 MLJ 285, MP (dirujuk)
Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Dr Zambry bin Abdul Kadir [2009] 5 MLJ 108, MT (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89, MR (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
People, Director of Public Prosecution, The v C (2001) 3 IR 345 (dirujuk)
PP v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3) [1999] 2 MLJ 1; [1999] CLJ 215, MT (dirujuk)
PP v Fan Yew Teng [1975] 1 MLJ 176 (dirujuk)
PP v Karpal Singh Ram Singh [2009] 9 CLJ 688, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
PP v Oh Keng Seng [1979] 2 MLJ 174 (dirujuk)
PP v Ooi Kee Saik & Ors [1971] 2 MLJ 108 (dibeza)
Tan Boon Liat @ Allen & Anor et al, Re; Tan Boon Liat v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors; Chuah Han Mon v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors; Subramaniam v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Ors [1977] 2 MLJ 108 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Hasutan 1948 ss 3(1), 3(1)(a), (d), (e), (f), (2), (2)(a), 5
Kanun Prosedur Jenayah ss 51, 51A, 173(h), 180, 180(1), 376(1), 418(1), 418A
Perlembagaan Negeri Perak perkara 16, 16(1), (6), 33(1)
Perlembagaan Persekutuan perkara 160

Kamaluddin Md Said (Noorin Badaruddin, Azlina Rasdi dan Melissa Mohd Akhir bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Gobind Singh Deo (Malik Imtiaz, Sangeet Kaur Deo, Jagdeep S Deo, Ram Karpal Singh dan Sankera Nair bersamanya) bagi pihak tertuduh.
Hon Jeffert Miles (The Law Council of Australia, Commonwealth Lawyers Association dan Union Internationale des Avocats), Tom Danos (The Victorian Bar, Australia dan The International Commission of Jurists Victoria (ICJ)), Shubhaa Srinivasan (The Law of Society of England and Wales), John Lawrence (International Observer) dan Janet Neville (CEO/Sec Gen LAWASIA, Law Society House) bagi pihak pemerhati antarabangsa.
G Ragumaren (G Ragumaren & Co), Jasbeer Singh (Jasbeer Nur & Lee), Harmesh Singh (Trevor George Partnership) dan Rajen Devaraj (CEO Bar Council Malaysia) bagi pihak pemerhati Majlis Peguam Malaysia.

Azman Abdullah H:

LATAR BELAKANG KES

[1] Tertuduh pada awalnya dituduh di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 17 Mac 2009 dan kemudiannya kes ini telah dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas kehendak pendakwa raya melalui perakuan di bawah s 418A(1) Kanun Prosedur Jenayah ('KPJ'). Semasa tertuduh dihadapkan ke mahkamah sesyen pada 17 Mac 2009 pihak pendakwaan telah mengemukakan izin bertulis di bawah s 5 Akta Hasutan 1948 dan ditandakan sebagai 'A' oleh mahkamah. Pertuduhan telah dibaca kepada tertuduh bersama-sama lampiran A.

PERTUDUHAN ADALAH SEPERTI BERIKUT

[2] Kamu didakwa atas kehendak pendakwa raya dan pertuduhan terhadap kamu ialah:

> Bahawa kamu pada 6 Februari 2009 jam antara 12.00 tengahari dan 12.30 petang di Tetuan Karpal Singh & Co. yang beralamat No. 67, Jalan Pudu Lama, dalam Daerah Dang Wangi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam satu sidang akhbar telah menyebut kata-kata menghasut (transkrip ucapan dilampirkan sebagai LAMPIRAN 'A' kepada pertuduhan ini dan kata-kata menghasut digariskan); dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 (Akta 15) dan boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.
>
> Hukuman
>
> Kamu boleh, bagi kesalahan kali pertama, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kemudian boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun.
>
> (Sila lihat Lampiran A transkrip di akhir Alasan Penghakiman ini)

[3] Selepas itu pihak pendakwaan telah meminta kes dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di bawah s 418A KPJ dan di tanda sebagai 'B'. Hakim mahkamah sesyen telah memindahkan kes ke Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur dan telah menetapkan jaminan sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin.

[4] Pada 23 Mac 2009 Mahkamah Tinggi (J4) ini telah menyebut kes buat pertama kalinya. Pada tarikh sebutan itu pihak timbalan pendakwa raya mengemukakan kepada mahkamah akan izin untuk pendakwaan di bawah s 5 Akta Hasutan 1948 dibaca bersama-sama s 376(1) KPJ dan perakuan di bawah

s 418(1) KPJ ditanda masing-masing sebagai P1A dan P1B. Selepas itu tuduhan dibacakan sekali lagi kepada tertuduh dan tertuduh mengekalkan pengakuannya iaitu minta dibicarakan.

[5] Pihak-pihak bersetuju menetapkan satu tarikh sebutan untuk keperluan di bawah s 51A KPJ untuk dibekalkan dengan dokumen-dokumen berkaitan, mahkamah menetapkan tarikh sebutan pada 22 April 2009.

BANTAHAN AWAL OLEH PEGUAMBELA/TERTUDUH

[6] Pada 24 April 2009, tertuduh sendiri telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa satu bantahan awal telah dihantar melalui surat bertarikh 20 April 2009 kepada pihak pendakwaan. Mahkamah meminta pihak peguambela membekalkan satu salinan surat bantahan awal tersebut yang berbunyi adalah seperti berikut:

> We write to give you notice that we will raising a preliminary issue in relation to the validity of thye proceedings commenced of the prosecution for an offence under section 4(1)(b) of the Sedition Act, 1948 [Act 15] is a nullity in that it lacks pertinent particulars going to the root of the said written consent.

[7] Mahkamah ini telah memberi keputusannya atas bantahan awal ini setelah mendengar hujahan oleh kedua-dua belah pihak, iaitu menolak bantahan awal tertuduh. Mahkamah juga telah menyediakan alasan penghakimannya atas bantahan awal ini setelah pihak tertuduh memfailkan rayuan atas keputusan ini (sila lihat lampiran 1: *Public Prosecutor v Karpal Singh Ram Singh* [2009] 9 CLJ 688.)

[8] Perbicaraan kes ini bermula pada 12 Ogos 2009 dengan mana pihak pendakwaan telah mengemukakan ucapan pembukaan ('P2') dan di sepanjang perbicaraan telah memanggil seramai 19 orang saksi. Saksi-saksi tersebut adalah terdiri daripada:

(a) SP1— Mohd Nizam bin Mohamad Yatim, wartawan dari Utusan Malaysia yang membuat liputan sidang media (PC) tertuduh;

(b) SP2 — Eliani bt Mazlan, wartawan dari Bilik Berita RTM yang juga membuat liputan PC tertuduh;

(c) SP3 — Adial Singh a/l Hari Singh, jurukamera bebas untuk RTM yang bertugas bersama SP2;

(d) SP4 — Aishah bt Ahmad Azam, wartawan yang menyediakan transkripsi PC, dari Bilik Berita RTM;

(e) SP5 — Roslan bin Ariffin, Timbalan Pengarah Berita RTM;

(f) SP6 — Ahmad Zaki bin Mustafa, penerbit rancangan RTM;

(g) SP7 — Mohd Jufri bin Mohd Judin, jurukamera di bahagian berita & sukan, TV3;

(h) SP8 — Lee Way Loon, Pemberita di Malaysiakini yang hadiri PC;

(i) SP9 — Ing Boon Seng, wartawan penyiaran TV3;

(j) SP10, SP11 dan SP17 adalah pengadu yang membuat aduan polis atas PC tertuduh apabila menonton Buletin Jam 8, TV3;

(k) SP12, SP13 dan SP14 — adalah jurugambar-jurugambar yang mengambil gambar di Masjid Ubudiah selepas solat Jumaat, Bkt Chandar, Kuala Kangsar pada hari kejadian;

(l) SP15 — C/Insp Ishak bin Arsyad, memantau kententeraman awam semasa majlis perlantikan MB baru dari IPD, Kuala Kangsar;

(m) SP16 — Mazlan bin Othman, Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia, Cyberjaya, keterangan akan laman web buku Tetamu Pejabat DYMM Sultan Perak;

(n) SP18 — Superintenden Abdul Gaffar b Muhamad, KPD, Kuala Kangsar, Ketua Medan di sekitar kawasan Masjid Ubudiah;

(o) SP19 — ASP Suhaimi bin Muhamad, pegawai penyiasat kes ini.

FAKTA KES PENDAKWAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT

[9] Tidak terdapat banyak pertikaian akan fakta kes antara pihak pendakwaan dan tertuduh. Pada 6 Februari 2009 jam lebih kurang 11.30 pagi, tertuduh telah memanggil satu sidang media ('PC') di pejabat guamannya di Jalan Pudu Lama, Kuala Lumpur. Sidang media tersebut dihadiri oleh beberapa orang wartawan dan jurukamera dari beberapa wakil media massa dan elektronik antaranya ialah SP2, SP3, SP4, SP8 dan SP9.

[10] Di dalam sidang media tersebut ianya dapat dibahagikan kepada dua 'segment', pertama ialah tertuduh membaca teks kenyataan akhbar secara bertulis yang diedarkan oleh tertuduh kepada para wartawan yang hadir seperti mana P3, manakala bahagian kedua adalah soal jawab antara tertuduh dan wartawan sepertimana di dalam transkrip ('P8') dan kesemua ini dirakam oleh jurukamera bebas SP3 yang dirakam di dalam tape mini DV ('P6').

[11] Terdapat bantahan oleh peguambela tertuduh semasa hendak dikemukakan *tape* mini DV (P6) dan transkrip (P8) namun saya memutuskan bahawa tidak terdapat sebarang keraguan dan penerimaan masuk dua ekshibit

tersebut adalah teratur mengikut undang-undang. Malah peguambela tertuduh banyak bergantung kepada rakaman dari P6 semasa menyoal balas saksi pendakwaan. A

[12] Berbalik kepada fakta kes, pada hari kejadian itu, sidang media tertuduh selesai sebelum sembahyang Jumaat. Sementara itu pada hari yang sama di Kuala Kangsar, Perak, mengikut keterangan saksi-saksi pendakwaan yang terdiri dari Ketua Polis Daerah Kuala Kangsar ('SP18'), SP15 dan jurugambar polis SP12, 13 dan 14 mengesahkan berlaku satu perhimpunan dan demonstrasi dan rusuhan selepas sembahyang Jumaat di kawasan luar Masjid Ubudiah, di Kuala Kangsar, Perak. Perhimpunan tanpa permit tersebut diadakan oleh sebilangan jemaah yang bersolat Jumaat di Masjid Ubudiah yang cuba menghalang upacara angkat sumpah Menteri Besar baru di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak pada petang tersebut. B C

[13] Pihak pendakwaan telah kemukakan gambar-gambar perhimpunan tersebut dan juga kain rentang dan sepanduk yang membantah pelantikan Menteri Besar baru dan perasaan tidak puas hati ke atas DYMM Sultan Perak. D

[14] Manakala sidang akhbar oleh tertuduh disiarkan stesyen RTM melalui Berita Wilayah, pada jam 6 petang dan 9 malam melalui rangkaian TV1. Ini disahkan oleh saksi-saksi pendakwaan SP2, SP5 dan SP7. Manakala Stesyen Penyiaran TV3 menyiarkan berita sidang akhbar tertuduh melalui Buletin Utama jam 8 malam. Ini dapat dilihat dari kenyataan SP9 Ing Boon Seng, wartawan penyiaran TV3. Begitu juga akhbar *Utusan Malaysia* hanya memaparkan berita sidang akhbar tertuduh pada keesokannya. E F

[15] Dengan kata lain perhimpunan selepas sembahyang Jumaat di perkarangan Masjid Ubudiah adalah sebelum berita sidang akhbar tertuduh tersebar dan tidak lagi disiarkan di RTM, TV3 atau *Utusan Malaysia*. G

[16] Pihak peguambela tertuduh telah membantah kemasukan rakaman Buletin Utama Jam 8 oleh TV3 atas alasan ianya tidak dibekalkan sebelum perbicaraan mengikut peruntukan s 51A KPJ, dan sebelum itu peguambela telah memohon dibekalkan dengan klip Berita Wilayah jam 6 petang dan Berita Utama jam 9 malam oleh RTM sahaja. Setelah dibekalkan klip berita jam 6 petang dan 9 malam RTM pihak tertuduh telah menolaknya dan membantah penerimaan masuk sebagai ekshibit atas alasan klip Berita Wilayah jam 6 petang dan 9 malam RTM tersebut juga tidak dibekalkan sebelum perbicaraan dan berlawanan dengan s 51A KPJ. Mahkamah memutuskan klip Buletin TV3 tidak boleh dikemukakan oleh pihak pendakwaan kerana tidak menepati peruntukan s 51A KPJ dan pihak pendakwaan melalui TPR Puan Noreen memaklumkan yang mereka tidak berhasrat pun untuk kemukakan sebagai barang kes. Manakala untuk klip Berita Wilayah TV1 RTM dan Berita H I

Utama RTM jam 9 malam, oleh kerana ianya dipohon oleh peguambela maka ianya terjatuh di bawah s 51 KPJ. Mahkamah telah membenarkan dimasukkan dan ditanda sebagai eksh P15 dan P16 (sila lihat lampiran 2: Bantahan 2 untuk keputusan dan alasan).

[17] Bersambung keterangan kes, pihak pendakwaan telah memanggil tiga orang saksi SP10, 11 dan SP17 yang membuat aduan polis setelah menonton sidang akhbar tertuduh melalui Buletin Utama TV3 jam 8 malam pada malam hari kejadian. Malangnya tidak diketahui apakah kandungan berita tersebut oleh kerana klip berita tersebut tidak dimasukkan sebagai ekshibit. Mahkamah juga mendapati isi laporan polis P21 dan P22 yang dibuat oleh SP11 dan SP17 adalah berkisar kepada rasa tidak berpuas hati ke atas tertuduh atas kenyataan akhbarnya bukannya pengadu marah kepada DYMM Sultan Perak. Mengikut pegawai penyiasat kes ini juga SP19 kesemua 103 laporan polis dibuat setelah menonton berita dan membaca laporan akhbar tentang sidang media tertuduh.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[18] Di peringkat akhir kes pendakwaan sebelum mahkamah ini memutuskan sama ada memanggil tertuduh membela diri, mahkamah perlulah menentukan yang pihak pendakwaan berjaya mewujudkan suatu kes prima facie pada tahap penilaian maksima. Ini diperuntukkan di bawah s 180 KPJ dan juga melalui kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan. Antara kes-kes yang dituruti ialah kes kes-kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89; dan *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1; [1999] CLJ 215.

[19] Di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, Mahkamah Persekutuan telah menggariskan tahap pembuktian ke atas pendakwaan pada akhir kes pendakwaan. Mendiang Augustine Paul HMR (semasa itu bersidang sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan) di ms 315–316 (MLJ); ms 99 dan 101 (CLJ) menyatakan:

> Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a prima facie case while s 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms. The submission made must therefore be rationcinated against the background of the meaning of the phrase 'prima facie case' in s 180. Section 180(2) provides that the court shall record an

order of acquittal if a prima facie case has not been made out while s 180(3) provides that if a prima facie case has been made out the accused shall be called upon to enter his defence. A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal. The phrase 'prima facie case' is defined in similar terms in *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*, (11th Ed) as:

A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.

The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. As the trial is without a jury it is only with such a positive evaluation can the court make a determination for the purpose of s 180(2) and (3). Of course in a jury trial where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so because a determination on facts is a matter for ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

As the accused can be convicted on the prima facie evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt. However it must be observed that it cannot, at that stage, be properly described as a case that has been proved beyond reasonable doubt. Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a

reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.

[20] Terdapat dua peruntukan di dalam Kanun Prosedur Jenayah yang memperuntukkan akan pembuktian kes prima facie untuk membolehkan mahkamah memanggil pihak tertuduh membela diri. Untuk mahkamah sesyen dan majistret ianya terkandung di dalam s 173(h) dan untuk Mahkamah Tinggi ianya di bawah s 180 Kanun yang sama. Kedua-dua peruntukan ini tidak mempunyai perbezaaan di mana pihak pendakwaan perlu berjaya mewujudkan suatu kes prima facie barulah pembelaan boleh dipanggil. Oleh kerana di dalam Kanun tidak ditakrifkan apakah maksud 'has made out a prima facie case' dengan itu mahkamah telah bergantung kepada kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah di dalam kes-kes di atas tadi.

[21] Apakah perkara-perkara yang perlu pihak pendakwaan buktikan?

Pihak Pendakwaan hanya membuktikan

[22] Ini dapat dilihat melalui ucapan pembukaan (P2) oleh pihak pendakwaan pada perenggan 6.3 menyatakan akan membuktikan sidang akhbar disiarkan melalui Berita Jam 8, pada masa itu hanya TV3 sahaja menyiarkan Berita Jam 8, manakala RTM menyiarkan Berita Utama Jam 9. Di sini pihak pendakwaan gagal membuktikannya malah memilih untuk tidak mengemukakannya klip berita dari TV3. Malah tidak langsung membekalkan klip-klip berita mahupun dari TV3 atau RTM kepada tertuduh sebelum perbicaraan mengikut keperluan s 51A KPJ (lihat bantahan 1 di atas).

[23] Seperti yang dinyatakan di atas pendakwaan hanya membuktikan tunjuk perasan dan bantahan selepas sembahyang Jumaat di Masjid Ubadiah, Kuala Kangsar walhal berita tentang kenyataan akhbar pertama kali disiarkan dan diketahui umum melalui berita pada jam 6 petang dan 9 malam oleh Rangkaian 1, RTM (P15 dan P16).

[24] SP8 adalah pemberita untuk Malaysiakini edisi bahasa Cina. Mengikut SP8 berita tentang kenyataan akhbar (P3) (PC) tertuduh yang ditulisnya di dalam Malaysiakini di edisi Cina tidak ada sebarang komen oleh orang awam. Mengikut SP8 kemungkinan semasa itu di bahagian bahasa Cina, tidak dibuka kepada umum untuk komen, manakala SP8 tidak tahu tentang edisi Inggeris kerana beliau hanya menumpukan kepada edisi Cina. Pihak pendakwaan tidak pula mengemukakan sebarang keterangan akan edisi Bahasa Inggeris di dalam Malaysiakini.

[25] Manakala komen-komen untuk laman blog pula, pihak pendakwaan memanggil saksi SP16 Encik Mazlan bin Othman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi. Memberi keterangan secara lisan akan komen di laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan laman web buku tetamu Pejabat DYMM Sultan Perak, namun begitu tidak ada satu dokumen pun dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk menyokong keterangan SP16 ini, dan juga tidak ada keterangan akan kaitan sidang akhbar tertuduh dengan kenyataan di dalam laman web Kerajaan Negeri Perak yang dapat dikaitkan.

[26] Laporan polis oleh tiga saksi awam iaitu SP10, P11 dan P17 melalui laporan polis P17, 21 dan 22 merujuk kepada apa yang mereka tonton di dalam Berita TV3 jam 8 malam yang mana pihak pendakwaan telah gagal kemukakan sebagai bahan bukti apa yang terkandung di dalam berita tersebut, sekadar memanggil pemberitanya SP9 En Ing Boon Sing.

[27] Keterangan pegawai penyiasat SP19 bahawa terdapat sebanyak 103 laporan polis ke atas tertuduh, antara mereka seramai tiga pengadu dipanggil iaitu SP10; 11 dan 17 dan apa yang dibuktikan ialah kemarahan dan kebencian pengadu terhadap tertuduh bukan kemarahan terhadap Tuanku DYMM Sultan Perak.

[28] Hujahan pendakwaan bahawa sidang akhbar di hadapan pemberita-pemberita sebagai orang yang mendengar hasutan tertuduh dan mereka merasakan tidak puas hati adalah tidak boleh diterima oleh kerana tiada soalan dicadangkan kepada pemberita-pemberita semasa mereka memberi keterangan di mahkamah akan perasaan mereka atas kenyataan tertuduh. Keterangan hanya berkisar kepada bidang tugas mereka dan fahaman mereka akan isi sidang akhbar tersebut semata-mata. Mahkamah mempercayai hujahan pendakwaan atas isu ini dibuat selepas baru terfikir (*after thought*).

[29] Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan intipati yang diperlukan oleh s 3(1) Akta tersebut iaitu kaitannya atau akibat dari kenyataan tersebut membawa kepada kencenderungan kebencian atau penghinaan atau bangkit perasaan benci, menghina, perasaan tidak setia terhadap Raja.

s 3(1) Sesuatu 'kecenderungan menghasut' ialah kecenderungan —

(a) bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;

[30] Hujahan pihak pendakwaan bahawa mereka telah berjaya membuktikan kata-kata tersebut sebagai menghasut sepertimana di dalam

pertuduhan di lampiran A, pihak pendakwaan mengemukakan kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108.

[31] Saya mendapati kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* di atas adalah berlainan fakta, manakala kes pada hari ini perlu dilihat juga adakah terjatuh di bawah kecualian di bawah s 3(2) Akta. Saya juga mengambil garis panduan yang diberikan oleh Yang Arif Hakim Raja Azlan Shah (Baginda Sultan pada masa itu) di dalam kes tersebut di dalam memutuskan kes di hadapan saya pada hari ini.

[32] Dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik*, fakta kes menunjukkan bahawa tertuduh pertama semasa menghadiri satu majlis jamuan makan malam telah memberikan satu ucapan yang mana ucapan ini telah diterbitkan sebagai satu artikel dalam *The Rocket*, keluaran rasmi parti DAP. Dalam kes ini mahkamah berpuas hati dan tanpa keraguan yang munasabah bahawa ucapan tersebut jika dibaca keseluruhannya telah melampaui had yang dibenarkan oleh undang-undang. Ianya mengandungi kecenderungan menghasut kerana ucapan tersebut banyak menyentuh tentang hak dan keistimewaan satu kaum sahaja, jelasnya bangsa Melayu. Hal ini sememangnya bertentangan dengan kesejahteraan awam pada masa itu dan ianya cenderung kepada tindakan menghasut.

[33] Yang Arif Hakim Raja Azlan Shah (Baginda Sultan pada masa itu) telah mengupas fakta kes sebagai berikut:

> The speech begins by reference to Lim Kit Siang who had been detained without trial. It goes on to say that his arrest was mindless overreaction on the part of the alliance government. After saying that his detention without trial reflects the way how democracy is practiced in Malaysia, we come to the second paragraph which shows the …

[34] Yang Arif Hakim juga menjelaskan beban yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan sebagai berikut:

> … in my view what the prosecution have to prove and all that the prosecutions have to prove is that the words complained of or words equivalent in substance so those words, were spoken by accused No 1 at the dinner party. Once that is proved the accused will be conclusively presumed to have intended the natural consequences of his verbal acts and it is therefore sufficient if his words have a tendency to produce any of the consequences stated in s 3(1) of the Act. It is immaterial whether or not the words complained of could have the effect of producing or did in fact produce any of the consequences enumerated in the section. It is also immaterial whether the

impugned words were true or false (see *Queen Empress v Ambra Prasad* (8)). And it is not open to the accused to say that he did not intend his words to bear the meaning which they naturally bear (see *Maniben v Emperor* (9)).

[35] Di dalam penghakiman yang sama Yang Arif Hakim telah menjelaskan lagi garis pemisah antara kritikan yang dibenarkan dan hasutan, yang mana penentuan tersebut perlu dibuat oleh mahkamah:

The question arises: where is the line to be drawn; when does free political criticism end and sedition begin? In my view, the right to free speech ceases at the point where it comes within the mischief of s 3 of the Sedition Act. The dividing line between lawful criticism of government and sedition is this — if upon reading the impugned speech as a whole the court finds that it was intended to be a criticism of government policy or administration with a view to obtain its change or reform, the speech is safe. But if the court comes to the conclusion that the speech used naturally, clearly and indubitably, has the tendency of stirring up hatred, contempt or disaffection against government, then it is caught within the ban of para (a) of s 3(1) of the Act.

[36] Dari pengamatan saya kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* tersebut terjatuh di bawah sub-s (d), (e) dan (f) s 3(1) Akta Hasutan. Yang mana berbunyi seperti berikut:

Kecenderungan menghasut —

3(1) Sesuatu 'kecenderungan menghasut' ialah kecenderungan —

(a) …

(b) …

(c) …

(d) bagi menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang diPertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau dikalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;

(e) bagi mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia: atau

(f) bagi mempersoalkon apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogative yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan-peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152,153, atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

[37] Manakala kes pada hari ini adalah terjatuh di bawah sub-s (a) s 3(1) iaitu 'kecederungan menghasut — bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan'.

[38] Saya tidak bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan seolah-olah meletakkan tanggungan keras ('strict liability') ke atas kes-kes hasutan di mana pihak pendakwaan menghujahkan mereka hanya perlu membuktikan sesuatu kenyataan itu dibuat dan sudah memadai. Berasaskan kepada penghakiman dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik* adalah jelas bahawa mahkamah perlu meneliti dan menilai sesuatu ucapan pada setiap baris dan perenggan sama ada ianya diniatkan sebagai satu ucapan yang dibenarkan atau sebagai satu hasutan seperti yang ditakrifkan di bawah s 3(1) Akta.

PENELITIAN OLEH MAHKAMAH AKAN MAKSUD DI SETIAP PERENGGAN DI DALAM SIDANG MEDIA OLEH TERTUDUH (P8)

[39] Kandungan di dalam sidang akhbar tertuduh di dalam P8 (transkrip) bermula dari:

[40] Perenggan 1, mukadimahnya tertuduh menyatakan tentang pemecatan Menteri Besar Perak Datuk Seri Hj Nizar bin Jamaluddin oleh DYMM Sultan Perak mengikut peruntukan perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak adalah jelas berlawanan dengan peruntukan perkara tersebut.

[41] Perenggan 2, tertuduh menyatakan yang keputusan DYMM Sultan itu boleh dipersoalkan di mahkamah, ini berlandaskan kepada suatu keputusan Mahkamah Persekutuan yang telah memutuskan keputusan Yang diPertuan Agong boleh diubah apabila ianya berlawanan dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu keputusan pada tahun 1977 (kes *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108 adalah yang dimaksudkan).

[42] Perenggan 3, pula dinyatakan bahawa selepas 32 tahun keputusan Mahkamah Persekutuan itu berlalu (dari kes *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108) tidak disangsikan lagi bahawa DYMM Sultan Perak telah bertindak berlawanan dengan perkara 16(6) Perlembagaan Negeri Perak.

[43] Perenggan 4, tertuduh menerangkan tentang ulasan oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof bahawa terdapat keraguan di dalam isu pengosongan kerusi Parti PKR di DUN Changkat

Jering dan Behrang yang dikatakan telah diserahkan surat peletakan jawatan kepada *speaker* DUN. Tertuduh telah menyentuh tentang perkara 33(1) Perlembagaan Negeri Perak. Tertuduh menyebut peruntukan tersebut, tertuduh menyatakan bahawa Dewan Negeri yang sepatutnya memuktamadkannya hal ini bukannya DYMM Sultan. Tertuduh menyatakan antaranya ialah tidak boleh dikatakan yang tindakan Sultan tersebut mengikuti perkara 16(1) apabila baginda yang menentukan MB Nizar telah terhenti dari mendapat kuasa dari majoriti dewan dan perlu meletakkan jawatan.

[44] Perengan 5, tertuduh menyatakan adalah untuk ahli dewan menentukan kedudukan tiga orang ahli dewan ini (termasuk DUN Jelapang) dan bukannya Sultan yang menentukannya sama ada mereka ini sebagai ahli bebas.

[45] Perenggan 6, tertuduh mengemukakan pendapatnya akan peruntukan perkara 33(1) Perlembagaan Negeri Perak, dan perkara 16. Bahawa Sultan bertindak berlawanan dengan perkara 16 apabila memutuskan MB Nizar terhenti mendapat kepercayaan sebahagian besar ahli-ahli Dewan Negeri.

[46] Perenggan 7, tertuduh menyatakan bahawa adalah jelas Sultan tidak boleh menggunapakai kuasa Baginda di bawah perkara 16(1) untuk melantik majlis mesyuarat dari Barisan Nasional dengan Menteri Besar yang baharu dan menyatakan tindakan Baginda menjadi pra-matang oleh kerana Dato Haji Nizar masih lagi sah.

[47] Perenggan 8, tertuduh meminta (*I call upon the Sultan to cease and desist*) Sultan berhenti daripada melantik Menteri Besar dari Barisan Nasional dan majlis mesyuarat tengahari ini. Ini bukannya sebagai dikatakan mengugut Sultan tetapi peringatan keras (*firm reminder*) yang Baginda perlu bertindak dalam ruang lingkup dan had (*parameters and confines*) Perlembagaan Negeri Perak iaitu undang-undang paling tinggi di dalam negeri.

[48] Perenggan 9, tertuduh telah mengambil titah ucapan Raja Muda Perak (Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr Nazrin Shah) bahawa Raja sebagai Ketua Negara hendaklah adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak dan tidak mempunyai kepentingan peribadi bagi menentukan keadilan kepada semua rakyat.

[49] Perenggan 10, juga menyebut titah ucapan Raja Muda Perak, yang mana kuasa yang diamanahkan oleh Allah hendaklah dilaksanakan dengan

tanggungjawab oleh sebab Raja akan diadili di akhirat nanti. Dengan itu kuasa hendaklah diamalkan untuk kebaikan yang mana kemuliaan, kedudukan, dan kedaulatan tidak datang secara sendiri.

[50] Perenggan 11, tertuduh menyatakan pendapatnya bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat yang diketuai oleh Nizar hendaklah dibenarkan tanpa halangan dari mana-mana pihak untuk mengguna pakai peruntukan perkara 33(1) dan selepas ini barulah campur tangan oleh Sultan Negeri Perak boleh berlaku jika ianya perlu.

[51] Perenggan 12, jika Sultan berkeras ('persists') melantik majlis mesyuarat dari Barisan Nasional pada jam 3 petang nanti, Pakatan Rakyat tidak mempunyai pilihan selain daripada membawanya kepada mahkamah untuk memutuskannya bagi kepentingan rakyat Perak. Prosiding mahkamah ini termasuk kerajaan yang baru dan akan berlaku ketegangan dan keresahan yang sepatutnya tidak berlaku dan harus dielakkan dalam apa jua keadaan.

[52] Saya berpendapat bahawa sidang media tertuduh tidak terjumlah kepada suatu kecenderungan menghasut yang mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau kerajaan. Walaupun terdapat 103 laporan polis namun kesemuanya menjurus kepada kemarahan dan kebencian pengadu terhadap tertuduh dan bukannya terhadap Tuanku DYMM Sultan Perak.

[53] Saya juga berkeputusan bahawa ianya adalah juga terjatuh di bawah kecualian s 3(2) Akta, iaitu kecenderungan bagi menunjukkan Sultan dikelirukan atau tersilap dalam apa-apa langkah yang diambilnya.

[54] Saya meneliti peruntukan kecualian di bawah s 3(2)(a) saya mendapati peruntukan ini wujud sejak zaman Inggeris berada di Tanah Melayu semasa itu pada tahun 1948 dan seksyen berkenaan tidak pernah dipinda. Kecualian yang dimaksudkan ialah untuk melindungi mana-mana pihak yang bertujuan untuk menunjukkan kekhilafan dan kesilapan Sultan dalam tindakannya. Semasa tahun 1948 Akta ini diperkenalkan British telah kembali semula mentadbir Tanah Malayu selepas Jepun diusir setelah kekalahan di dalam Peperangan Dunia Ke II.

[55] Hujahan dari pihak tertuduh yang mereka hanya berkecenderungan menunjukan Sultan terkhilaf atau tersilap di dalam tindakannya dan meminta

agar merujuk ke Mahkamah Persekutuan. Tertuduh dalam hujahannya menyatakan pada sidang media tersebut tertuduh hanya menyatakan pendapatnya akan perkara 33(1) Perlembagaan Negeri Perak dan menyatakan yang tindakan Sultan Perak adalah 'clearly he cannot invoke his power under art 16(1)' dan tertuduh meminta agar tidak dilantik Menteri Besar yang baru pada petang hari yang sama.

[56] Tertuduh juga menyatakan:

> This is no way should be construe as a threat to the Sultan but on the other hand a firm reminder to him that he is required to act within the parameters and confines of the sacred constitutional document that is the constitution of the State of Perak which is the supreme law of the state.

[57] Tertuduh memberi pendapatnya dengan merujuk kepada beberapa peruntukan di dalam Perlembagaan Negeri Perak dan nas undang-undang dari keputusan Mahkamah Persekutuan yang mana semua ini dibekalkan kepada pemberita yang hadir pada hari tersebut dan diakui; oleh saksi-saksi pendakwaan.

[58] Malah di dalam video sidang akhbar (P6) (yang tidak terdapat di dalam transkrip (P8)) tertuduh menyatakan:

> But I'll make it very clear, I got nothing personal in this matter this is constitutional matter and I think should be respected by all including the Ruler, (ms 6 ayat terakhir).

[59] Terdapat beberapa soalan oleh pihak media yang berbentuk provokasi kepada tertuduh namun tertuduh dari jawapannya tidak mengambil kesempatan memperbesar-besar isu bahawa: sama ada berlaku krisis perlembagaan seluruh Malaysia; dan sama ada akan berlaku tunjuk perasaan besar-besaran? Saya mendapati jawapan yang tertuduh berikan tidak berhasrat untuk menyimbah minyak pada api (sila lihat pada ms 5 dan 7 pada perenggan akhir di P8).

[60] Saya juga memutuskan adalah tidak perlu untuk membuktikan benar-benar Raja telah terkeliru atau tersilap tetapi cukup dengan ditunjukkan kecenderungan tertuduh adalah untuk menunjukkan kekeliruan dan kesilapan. Dengan kata lain, walaupun langkah yang diambil oleh Tuanku Sultan Perak tersebut adalah tepat dan betul, tertuduh masih boleh

menggunakan kecualian ini selagi ditunjukkan terdapatnya kecenderungan di bawah sub-perenggan (a) s 3(2) itu. Pihak pendakwaan menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, intervener)* [2010] 2 MLJ 285 membuktikan tindakan Sultan adalah betul dan tepat di dalam isu melantik Menteri Besar pada hari yang sama dengan sidang akhbar tertuduh.

[61] Jika dilihat kronologi kes *Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin* di atas semasa tertuduh mula-mula dituduh pada 16 Mac 2009, belum ada keputusan oleh Mahkamah Tinggi, atau Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, oleh itu semasa keputusan Mahkamah Tinggi oleh YA Dato Abdul Aziz Rahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 3 April 2009 (*Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Dr Zambry bin Ab Kadir* [2009] 5 MLJ 108) memihak kepada plaintif adakah tertuduh dikatakan tidak melakukan kesalahan.

[62] Jika diikuti hujahan pihak pendakwaan ini seolah-olah meletakkan kesalahan oleh tertuduh belum sempurna walaupun diputuskan oleh Mahkamah Rayuan Malaysia pada 26 Jun 2009 (*Dato' Dr Zambry bin Abdul Kadir v Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Attorney General of Malaysia, intervener)* [2009] 5 MLJ 464) sehingga kes di atas diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan pada 9 Februari 2010 (*Dato' Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, intervener)* [2010] 2 MLJ 285). Atas premis inilah saya berkeputusan bahawa kecualian s 3(2)(a) tersebut menitikberatkan kecenderungan atau niat di pihak tertuduh bukannya menilai sama ada tindakan Tuanku Sultan itu betul ataupun salah.

KENYATAAN TERTUDUH UNTUK MENYAMAN SULTAN KE MAHKAMAH

[63] Kenyataan tertuduh beliau menyatakan akan menyaman Sultan Perak bersama Kerajaan Negeri Perak yang baru jika meneruskan dengan perlantikan MB yang baru.

[64] Saya telah meneliti kenyataan tertuduh ini secara keseluruhannya, dan meneliti akan perkara 160 Perlembagaan Persekutuan dan juga D14 keratan akhbar di dalam *The New Straits Times* bertarikh 3 April 2009, hujahan oleh Dato Kamaluddin Said yang tidak dibantah penerimaan masuknya sebagai

ekshibit telah merujuk kepada perkara 160 yang sama juga dan menghujahkan maksud 'public authority' termasuk Sultan, dan Dato' Kamaluddin menghujahkan bahawa Sultan Perak sepatutnya dinamakan sebagai pihak dalam tindakan plaintif. Hujahan ini dibuat di hadapan Hakim Abdul Aziz Rahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2 April 2009. Saya menerima inferensnya memihak kepada tertuduh sebagai benar laporan di dalam akhbar NST (D14) tersebut atas alasan tiada hujahan bertentangan diberikan oleh pihak pendakwaan. Dengan kata lain, peguam kanan persekutuan turut berhujah Sultan perlu dimasukkan ke dalam prosiding. Kes tersebut telah diputuskan sehingga ke Mahkamah Persekutuan yang mana saya mendapati di dalam kes *Dato' Seri Ir Hj Mohammad Nizar bin Jamaluddin v Dato' Seri Dr Zambry bin Abdul Kadir (Attorney General, intervener)* [2010] 2 MLJ 285, isu perlu menamakan Tuanku Sultan Perak sebagai pihak di dalam prosiding berkenaan, tidak timbul dan tidak dibincangkan.

PENUTUP

[65] Saya berpendapat bahawa sidang akhbar oleh tertuduh itu dibuat bukan untuk tujuan kecenderungan menghasut di bawah s 3(1) jika pun terjatuh kepada kecenderungan menghasut seperti yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan melalui kes *Public Prosecutor v Ooi Kee Saik & Ors* dan *Public Prosecutor v Fan Yew Teng* [1975] 1 MLJ 176, saya berkeputusan juga bahawa kenyataan tertuduh itu termasuk di dalam kecualian di bawah s 3(2)(a) Akta Hasutan 1948 ianya berkecenderungan menunjukkan kekeliruan dan kesilapan di pihak Tuanku Sultan dalam isu peruntukan undang-undang semata-mata di dalam Perlembagaan Negeri Perak, atas situasi yang berlaku pada masa itu.

[66] Saya tidak bersetuju dengan hujahan pihak tertuduh di dalam kes *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108 kerana fakta kes tidak langsung timbul isu hasutan ianya semata-mata membetulkan kesilapan teknikal lembaga penasihat. Saya juga meneliti kes yang dikemukakan oleh pendakwaan di dalam kes *Public Prosecutor v Oh Keng Seng* [1979] 2 MLJ 174 dan mendapati ianya masih menitikberatkan persoalan sama ada teguran itu dibuat secara ikhlas dan adil.

[67] Dengan ini saya memutuskan kecualian di bawah s 3(2)(a) boleh digunapakai semasa kes pendakwaan dan tidak perlu mahkamah memanggil tertuduh membela diri semata-mata untuk mendengar semula pembelaan yang sama dan secara keseluruhannya pihak pendakwaan gagal mewujudkan

A suatu kes prima facie atas tahap penilaian maksima oleh mahkamah ini, dengan itu mahkamah membebas dan melepaskan tertuduh tanpa memanggilnya membela diri.

Tertuduh dibebaskan dan dilepaskan.

B

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed

C

D

E

F

G

H

I